

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 27 MAC 2017

SOALAN : Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan

(a) jumlah keseluruhan rakyat Malaysia yang berada di Korea Utara sekarang dan berapa ramaikah rakyat Korea Utara yang kini berada di Malaysia.

(b) usaha Kerajaan untuk membawa pulang mereka ini dan adakah Kerajaan sanggup menyerahkan dua suspek pembunuhan Kim Jung Nam yang dikatakan berlindung di Kedutaan Korea Utara di Malaysia sebagai pertukaran dengan tebusan rakyat Malaysia yang berada di Korea Utara.